

## Pengaruh Kemasukan Migran Indonesia terhadap Kesejahteraan Ekonomi Penduduk di Tawau, Sabah

*The Influence of The Indonesian's Migrants on The Economic's Well-Being of The People in Tawau, Sabah*

Nurasyiva Juda

<sup>1</sup>Rosniza Aznie Che Rose

Program Geografi,  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>aznie@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membahaskan mengenai isu yang sering berbangkit di kawasan kajian ini iaitu mengenai pengaruh kedatangan migran Indonesia terhadap kesejahteraan penduduk tempatan di Tawau, Sabah. Isu ini sering terjadi kepada penduduk tempatan yang sememangnya telah lama hidup dalam persekitaran yang sama dengan penduduk Indonesia sehingga dapat menjelaskan keadaan kesejahteraan mereka. Oleh itu, dengan kajian yang dijalankan ini pengkaji dapat mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan isu ini iaitu mengkaji mengenai pengaruh migrasi masuk penduduk Indonesia terhadap kesejahteraan warga tempatan dari aspek ekonomi. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini yang telah dibina iaitu, mengenalpasti penduduk tempatan yang tinggal dalam persekitaran yang sama dengan penduduk Indonesia, mengkaji pengaruh migrasi masuk penduduk Indonesia terhadap kesejahteraan penduduk tempatan dalam aspek sosioekonomi dan mencadangkan langkah dalam meningkatkan kesejahteraan penduduk tempatan di Tawau, Sabah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis hybrid iaitu dokumen dan kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 95 orang responden yang mewakili setiap ketua isi rumah yang berwarganegara Malaysia sahaja dalam kalangan yang berumur 18 tahun ke atas sahaja. Berdasarkan daripada hasil kajian yang diperoleh, terdapat 76 % responden memang menetap dalam persekitaran yang sama dengan penduduk Indonesia di daerah ini yang sangat berpotensi untuk dipengaruhi oleh migran tersebut. Oleh itu, diharapkan agar isu lambakan migran Indonesia di daerah ini dapat diatasi dengan sebaiknya untuk mengelakkan pengaruh negatif ke atas penduduk tempatan semakin meningkat.*

**Kata Kunci :** Migrasi masuk, kesejahteraan, persekitaran yang sama, aspek sosioekonomi

### ABSTRACT

*The purpose of this study is to discuss the issues that often arise in this study area, namely the influence of inward migration of Indonesians on the well-being of local people in Tawau, Sabah. This issue often happens to locals who have lived in the same environment as Indonesians for a long time, thus affecting*

*their well -being. Therefore, with this study, the researcher can find out more about this issue, which is to study the influence of inward migration of Indonesians on the well -being of locals in terms of economic and social. There are three main objectives in this study that have been developed, namely, to identify locals living in the same environment as Indonesians, study the influence of inward migration of Indonesians on the well -being of locals in socio -economic aspects and suggest measures to improve the well -being of locals in Tawau, Sabah. The methodology used in this study is hybrid analysis i.e. document and quantitative. The study sample consisted of 95 respondents representing each head of household who is a Malaysian citizen only among those aged 18 years and above only. Based on the results of the study, there are 76 % of respondents do live in the same environment as the Indonesian population in this district which has great potential to be influenced by the migrants. Therefore, it is hoped that the issue of dumping of Indonesian migrants in this district can be resolved in the best way to avoid the negative influence on the local population is increasing.*

**Keywords :** *inbound migration, well-being, the same environment, socioeconomic aspect*

## 1. Pengenalan

Migrasi masuk warga asing ke Malaysia sememangnya sudah tidak asing lagi. Migrasi di Malaysia telah wujud sejak abad ke-19 yang mana telah banyak memberi impak yang mendalam dalam aspek politik, ekonomi dan sosial (Hezkiel 2017). Menurut Hezkiel (2017) lagi, migrasi didefinisikan sebagai sebuah perpindahan dengan tujuan menetap dari suatu tempat ke tempat lain melalui sempadan disesuatu kawasan. Migrasi sememangnya amat berkaitan dengan ruang dan masa sehingga pengkaji tidak dapat memberi definisi yang begitu tepat tentang migrasi ini.

Secara khususnya, terdapat dua kategori dalam migrasi iaitu migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa. Migrasi dalaman adalah apabila seseorang itu berpindah daripada satu kawasan kepada kawasan yang lain didalam negaranya sahaja namun, migrasi antarabangsa pula adalah golongan yang berhijrah dengan melintasi sempadan antarabangsa (Hezkiel 2017). Tambahannya lagi, dalam migrasi juga terdapat lagi dua golongan yang dikenalpasti iaitu migrasi masuk atau pendatang (*imigrant*) serta migrasi keluar atau penghijrah (*emigrant*). Migrasi masuk pula adalah golongan pendatang yang memasuki sesebuah negara yang datang daripada negara asalnya manakala, migrasi keluar adalah gelaran kepada golongan migran atau penghijrah yang keluar berpindah daripada sesebuah negara ke negara yang lain. Menurut Appleyard pula (1992), migrasi antarabangsa terdiri daripada enam jenis iaitu tetap (*permanent*), perkumpulan keluarga (*family reunion*), pekerja kontrak sementara (*temporary contract workers*), pekerja tidak sah (*non-legal workers*), perlindungan politik (*asylum seeker*), dan pelarian (*refugee*).

Malah, Sabah semakin dipenuhi dengan kebanjiran warga asing. Menurut daripada Sumber FMT, (2018) mengatakan bahawa 1 pertiga daripada penduduk Sabah adalah warga asing dan secara keseluruhannya, Sabah dihuni 1.2 juta warga asing daripada 3.2 juta penduduk Sabah. Hal ini telah menyebabkan pihak imigresen terpaksa mengawal kedatangan pendatang asing ke Sabah dengan strategik dimana baru baru ini, sebanyak 10,074 pendatang asing tanpa izin telah diusir keluar daripada Sabah oleh Jabatan Imigresen Sabah.

Migran Indonesia di Tawau, Sabah sememangnya begitu ramai tidak kira kemasukan secara haram ataupun sah dan ramai yang telah menetap sudah bertahun-tahun di Tawau, Sabah. Keadaan tersebut telah menyebabkan penduduk Indonesia banyak menetap di kawasan-kawasan yang bercampur dengan penduduk tempatan sehingga menyebabkan banyak pembinaan rumah haram atau setinggan di setiap kampung. Lokasi panas yang dikenalpasti mengenai isu setinggan dikawasan Tawau adalah Kampung Titingan (Ice Box), My Metro (2019). Lokasi ini memang merupakan lokasi yang sering dipantau dan diserbu oleh pihak polis dalam beberapa operasi seperti ‘Ops Sarang’ yang banyak telah menjumpai rumah haram yang dibangunkan tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Tawau (MPT) dan sememangnya diyakini telah dihuni oleh warga asing. Hal ini sememangnya akan mendatangkan pelbagai pengaruh kepada kesejahteraan penduduk tempatan yang akan dikaji dalam kajian ini dengan lebih terperinci (Sabah Post 2019).

Pelbagai operasi telah dijalankan oleh pihak berkuasa seperti ‘Ops Benteng’ (Sinar Harian 2020). Namun, ia sememangnya menghairankan kerana kemasukan mereka masih sangat lancar sehingga kini. Isu ini sememangnya amat sukar untuk diatasi dengan begitu mudah disebabkan ramai aktor yang memainkan peranan dan tugas dalam membantu kemasukan warga asing terutamanya di laluan tidak sah. Hal ini dijelaskan lagi daripada Free Malaysia Today (FMT) 2018, iaitu terdapat seramai 4,800 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan oleh Jabatan Imigresen di Sabah menerusi 1,371 operasi yang dijalankan sejak 1 Januari 2020 hingga semalam serta menahan 62 orang majikan yang dikenal pasti menggaji serta melindungi PATI. Selain itu, dua lelaki tempatan dan seorang lelaki warganegara Indonesia juga ditahan di bawah Akta Pemerdagangan Manusia dan Penyeludupan Manusia (ATIPSOM) atas kesalahan membawa masuk 40 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke Tawau (ASTRO AWANI 2018). Ini sememangnya jelas membuktikan bahawa isu warga asing amat sukar ditewaskan disebabkan peranan jaringan sosial yang sedia ada sememangnya kuat dan masih terdapat yang belum berjaya ditumpaskan.

Penyelidikan ini berfokus kepada tiga objektif utama iaitu mengenalpasti penduduk tempatan yang menetap dalam persekitaran yang sama dengan migran Indonesia, mengkaji pengaruh kemasukan penduduk Indonesia terhadap kesejahteraan penduduk tempatan serta mencadangkan langkah dalam meningkatkan kesejahteraan penduduk tempatan di Tawau, Sabah.

## 2. Tinjauan Literatur

Kepadatan pendatang asing di negara kita, telah mengakibatkan banyak kawasan kampung telah dihuni oleh warga tersebut sehingga menyebabkan berlakunya percampuran dengan warga tempatan. Di sabah, perumahan atas air adalah kawasan yang paling majoriti didiami oleh warga asing. Misalnya, perumahan atas air didiami oleh warga Filipina bagi menjalankan aktiviti pemungutan hasil laut sejak tahun 1970-an lagi (Wan & Ramli 2007).

Warga asing dikatakan selesa menetap di petempatan perairan Sabah kerana, ia hampir sama dengan suasana di kampung atau negara asal mereka. Disebabkan mereka telah berasa selesa, ramai yang bertahan dan menetap sebagai migran dalam jangka masa panjang sehingga ramai yang telah mendirikan rumah tangga dengan warga tempatan. Ini menyebabkan perkembangan penduduk akibat kahwin campur tersebut yang seterusnya mengakibatkan ramai percampuran tempat kediaman antara warga tempatan dengan warga asing semakin berkembang luas di kawasan-kawasan lain selain daripada petempatan air tersebut (Wan & Ramli 2007).

Keadaan percampuran petempatan antara warga tempatan dengan warga asing ini mungkin tidak menjadi satu masalah besar kepada warga tempatan yang memiliki hubungan saudara dengan warga asing tersebut. Namun, bagaimana pula dengan warga tempatan yang langsung tiada hubungan dengan mana-mana pendatang asing dan sememangnya rimas dan tidak selesa untuk hidup berjiran dengan warga tersebut. Ia sudah pasti membawa pengaruh sosial yang cukup kuat tidak kira ianya mampu membawa suatu impak yang negatif mahupun positif. Dengan itu, kajian ini akan dijalankan bagi mendengar dan melihat masalah serta keluhan warga tempatan terhadap aspek kesejahteraan mereka berkenaan dengan lambakan penduduk asing iaitu Indonesia di kawasan kediaman mereka.

## **2.1 Lambakan Warga Indonesia**

Kedatangan migran Indonesia ke Malaysia sememangnya telah terjadi sebelum zaman penjajahan lagi. Menurut Rusdi (2013) Malaysia dan Indonesia adalah sebahagian dari dunia Melayu pada abad 12 hingga ke abad 17 sebelum kedatangan penjajah. Catatan sejarah Melayu ada mengatakan bahawa, kawasan yang disebut dunia Melayu ini membentang dari Penang ke Patani di Barat Laut hingga Kalimantan, Mindanao, Maluku, Semenanjung Malaysia, Sumatera dan Jawa di Selatan. Kawasan-kawasan tersebut disebut sebagai dunia Melayu kerana menggunakan bahasa komunikasi yang sama, selain itu juga kerana hubungan yang dekat antara sesama kerajaan-kerajaan Melayu yang pada masa itu diperkuat oleh ikatan agama Islam, perdagangan, kekerabatan dan perkahwinan antara anggota keluarga kerajaan-kerajaan tersebut. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah mengapa kebanyakan penduduk Indonesia begitu ramai di negara ini.

Penyatuan ini telah dipecahkan berikutan daripada termeterainya perjanjian Inggeris-Belanda yang merupakan penjajah bagi negara Malaysia dan Indonesia pada tahun 1824. Ia telah memisahkan tamadun Melayu menjadi satu entiti politik yang berbeza untuk menjaga kepentingan ekonomi dan geo-strategik bagi kedua-dua negara tersebut. Strategi ini sebenarnya adalah tergolong dalam dasar pecah dan perintah yang dilakukan oleh pihak Barat ke Tanah Melayu. Daripada dua sumber kajian tersebut, tidak mustahil bagi penduduk Indonesia gemar untuk datang bermigrasi ke Malaysia disebabkan kepada jarak yang dekat, budaya yang sama serta terdapat segelintir masyarakat tempatan di Malaysia mempunyai saudara di Indonesia akibat daripada faktor sejarah yang telah dibahaskan dalam kedua-dua kajian tersebut (Rohani 2010).

Seterusnya, fenomena penghijrahan pekerja Indonesia ke Sabah terutamanya yang berbangsa Bugis juga telah banyak mendominasi beberapa daerah di Bahagian Tawau dan Sandakan, Sabah (Syed et.al 2017) Hasil kajian tersebut telah mendapati migran baru telah dibantu oleh jaringan sosial bagi mengurangi kos dan risiko penghijrahan untuk memastikan kejayaan migrasi. Tambahan penulis lagi, kajian ini juga mendapati faktor penarik bukan ekonomi seperti adanya jaringan sosial, hubungan sejarah, elemen geografi, serta persamaan budaya, etnik, agama dan bahasa memberi pengaruh besar kepada keputusan berhijrah bagi migran baru. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa jaringan sosial berdasarkan ikatan kekeluargaan merentasi sempadan politik terus membantu aliran pengetahuan, sumber dan mengurangi risiko kegagalan migrasi. Menurut penulis, strategi pengambilan pekerja berasaskan

etnik yang dibantu oleh mandur memberi banyak manfaat dan mampu mengekalkan aliran migrasi bangsa Bugis ke Sabah hingga kini.

Migran Indonesia sememangnya begitu ramai di negara kita dan sukar untuk dinafikan lagi. Mereka tergolong daripada pekerja buruh yang datang untuk mencari pekerjaan dan pendapatan tetap walaupun tidak begitu lumayan. Menurut Maizatul (2018) pekerja asing telah menjadi satu bahagian daripada sistem ekonomi negara. Tambahan beliau, kerajaan terpaksa mengambil sejumlah besar pekerja asing terutamanya daripada negara jiran, Indonesia disebabkan keenggananan pekerja tempatan untuk mengerjakan sektor ekonomi yang mencabar.

Kedatangan migran ke Malaysia sememangnya disebabkan oleh pekerjaan namun, ramai pihak serta majikan yang tidak bertanggungjawab sehingga mengakibatkan berlaku eksloitasi dan banyak menyebabkan berlakunya pemerdagangan manusia yang mengakibatkan golongan warga asing sedemikian (Maizatul 2018). Disebabkan terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab sedemikian, adalah tidak menghairankan apabila berlakunya pertambahan migran asing yang datang secara tidak sah yang dikenali sebagai PATI. Oleh hal yang demikian, lambakan tersebut akan banyak mempengaruhi kehidupan rakyat tempatan terutamanya dari segi kediaman atau tempat tinggal kerana akan berlaku kepadatan dan seterusnya percampuran tempat tinggal antara warga asing dan tempatan.

## **2.2 Pilihan Masyarakat terhadap Petempatan Semakin Terhad**

Masyarakat tempatan sememangnya semakin sukar untuk memiliki rumah pada masa kini ekoran daripada peningkatan harga yang semakin melambung tinggi. Lazimnya, tekanan perumahan atau *housing stress* sentiasa dirujuk oleh kekangan kewangan yang dialami dan seterusnya menyukarkan masyarakat untuk memiliki dan menguruskan kos perbelanjaan rumah. Hal ini sangat dirasakan oleh masyarakat terutamanya bagi golongan sederhana dan miskin. Akhirnya, terdapat sesetengah masyarakat yang terpaksa tinggal di perkampungan setinggan yang bercampur dengan kehidupan warga asing (Nooriah 2019).

## **2.3 Pengaruh Kemasukan Penduduk Indonesia terhadap Kesejahteraan Ekonomi dalam Aspek Pekerjaan dan Pendapatan**

Walaupun Malaysia telah memperkenalkan pelbagai dasar seperti Dasar Pembangunan Baru (1991-2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2010), dan Program Transformasi Kerajaan (2010-2020) namun, kesejahteraan rakyat masih belum berada ditahap yang memuaskan. Pengkaji percaya bahawa, ini mempunyai kaitan dengan lambakan pekerja asing yang sememangnya memberi persaingan yang sengit kepada rakyat tempatan.

Kajian Jacob (2017) telah membincangkan berkenaan dengan kebaikan kemasukan pekerja asing di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa, pekerja asing yang berkemahiran tinggi mahupun rendah membawa banyak kelebihan yang positif iaitu amat penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Hal ini kerana, kebanyakan buruh asing yang berkemahiran tinggi sememangnya betul-betul dapat memberi suatu kelainan dan keistimewaan begitu juga dengan pekerja berkemahiran rendah yang dikatakan mempunyai motivasi yang

tinggi yang tidak mampu disaingi oleh pekerja tempatan. Disebabkan hal ini, produktiviti negara semakin meningkat disebabkan kedatangan dan kerelaan pekerja sedemikian.

Jacob (2017) tidak bersetuju kepada mana-mana kajian yang menyatakan mengenai buruh asing adalah membawa impak negatif yang besar kerana hasil kajian beliau telah menyatakan bahawa, pekerja asing sememangnya mengisi jurang struktur dipasaran buruh dan menghasilkan produktiviti positif serta meningkatkan daya saing antarabangsa. Hal ini sememangnya tidak dinafikan dari segi kepentingan oleh negara dalam membantu pendapatan yang tinggi di persada dunia namun, kita tidak seharusnya membelakangkan kesejahteraan penduduk tempatan yang semestinya diutamakan terlebih dahulu. Oleh hal yang demikian, kajian ini mengambil lompong berkenaan dan menjalankan penyelidikan tersebut untuk melihat serta menilai sejauhmana pengaruh kedatangan penduduk asing terutamanya Indonesia terhadap kesejahteraan penduduk tempatan di Tawau, Sabah.

Manakala, dalam kajian yang dijalankan oleh Na'eim et al. (2018) telah mengatakan bahawa, pembentukan dasar pekerja asing adalah membawa impak terhadap aspek sosial dan nasib pekerja tempatan. Hal ini akan berlaku apabila, kedatangan pekerja asing tidak terkawal dan seterusnya akan menutup peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Dalam keadaan tertentu, terdapat juga majikan yang mengutamakan pengambilan pekerja asing daripada pekerja tempatan. Menurut mereka lagi, kesejahteraan sosial penduduk tempatan juga akan terancam seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut :

*“Contohnya di Bangi, di mana pada satu ketika dulu ramai orang kita bekerja sebab banyak kilang di sana. Tetapi apabila selepas itu ramai orang asing bekerja di sana terutama Bangladesh dan Nepal telah membuatkan pekerja tempatan tidak selesa bekerja dan ada di antara mereka yang telah berpindah ke tempat lain. Ini telah menyebabkan kawasan tersebut dibanjiri dan didominasi oleh pekerja asing”.*

Na'eim et al. (2018) ms.59

### 3. Metodologi dan Kawasan Kajian

Kajian ini telah jelas menunjukkan isu berkaitan pengaruh kedatangan penduduk Indonesia terhadap kesejahteraan penduduk di Tawau, Sabah yang membuatkan pengkaji memilih metodologi kuantitatif yang akan melakukan bancian kepada responden yang berkaitan dengan menggunakan inisiatif *Google Form*. Menurut Suhairi (2019), kaedah kuantitatif adalah pendekatan yang dinyatakan dalam graf dan nombor yang digunakan untuk mengesahkan teori dan suatu andaian. Dengan itu juga, kaedah tersebut boleh dijadikan rujukan sebagai kajian yang menggunakan statistik untuk mewakili bilangan responden yang ramai (Krejcie 1970).


Pengkaji telah memilih sampel kajian daripada ketua isi rumah di Kampung Tanjung Batu Keramat serta Kampung Titingan di Tawau. Hal ini kerana, jumlah populasi sebenar bagi Kampung Tanjung Batu Keramat adalah seramai 5000 orang manakala, bagi Kampung Titingan pula adalah seramai 6000 orang. Dengan itu, pengkaji memilih untuk mengambil sampel

daripada setiap ketua isi rumah sahaja dengan sumber yang diperoleh telah menyatakan bahawa, Kampung Tanjung Batu Keramat mempunyai jumlah rumah yang berdaftar sebanyak 980 buah manakala Kampung Titingan pula terdapat 800 buah rumah. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada ketua isi rumah sahaja bagi kedua-dua kampung tersebut di daerah ini yang semestinya warganegara Malaysia dan bukannya warga asing. Oleh itu, data dikumpul dengan menggunakan ketua isi rumah sebagai sampel iaitu seramai 95 orang responden yang telah ditentukan dengan menggunakan formula Yamane (1967).

### **3.1 Kawasan Kajian**

Negeri Sabah yang terletak di utara Pulau Borneo yang merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia selepas negeri Sarawak. Sabah juga telah diberi gelaran “Negeri di Bawah Bayu” disebabkan faktor kedudukannya yang strategik di bawah laluan angin monsun dan dikatakan tidak pernah mengalami ribut taufan kecuali beberapa ribut yang hanya berskala kecil. Ibu negeri bagi Sabah adalah, Kota Kinabalu yang sememangnya pesat dengan pembangunan dan pusat perkhidmatan di negeri bawah bayu ini.

Secara keseluruhannya, proses untuk mendapatkan data primer boleh dikatakan agak sukar pada keadaan ini disebabkan oleh pandemik Covid-19 terutamanya di Tawau, Sabah ini yang sering diberikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) daripada kerajaan disebabkan daripada kes Covid-19 yang begitu banyak. Namun, masalah ini dapat ditangani dengan hanya pengedaran pautan *google form* yang mengandungi soal selidik kepada responden yang berkenaan. Begitu juga dengan sumber data sekunder daripada laman sesawang atau capaian internet yang sememangnya banyak membantu dalam memperoleh data tambahan dan pengukuhan kepada pernyataan.



RAJAH 1. Peta Daerah Negeri Sabah dan Kawasan Kajian (Tawau)

Daerah ini mempunyai keluasan sebanyak,  $6,125 \text{ km}^2$  yang berkongsi sempadan dengan Kalimantan, Indonesia dan juga dikelilingi oleh Laut Sulu di bahagian timur dan selatan negeri ini. Terdapat 10 mukim dan 81 kampung yang dihuni di daerah ini antaranya di kawasan kajian pengkaji iaitu di Kampung Tanjung Batu Keramat dan Kampung Titingan, Tawau. Kedua-dua kampung tersebut merupakan kawasan yang terkenal dengan lambakan pendatang asing disebabkan terdapat pelbagai kemudahan terutamanya melibatkan aspek pekerjaan yang semestinya diperlukan oleh mereka dalam tujuan penghijrahan. Begitu juga dengan perumahan atas laut yang kebanyakannya merupakan kawasan setinggan yang tidak diiktiraf oleh kerajaan sebagai petempatan yang terdapat di dua kawasan kampung tersebut. Perkara ini dibuktikan dalam foto 1.0 dan 1.1.

Foto 1.0 Kampung Titingan



Sumber : Carian Google 2021

Foto 1.1 Kampung Tanjung Batu Keramat



Sumber: Carian Google 2021

Tambahan bagi Kampung Tanjung Batu Keramat, terdapat perumahan kongsi yang dihuni oleh pendatang asing yang bekerja daripada kilang yang terkenal di kampung ini iaitu Khaspermata Sdn.Bhd. Perumahan kongsi ini berhampiran dan dikelilingi oleh perumahan warga tempatan yang lain yang sememangnya mengakibatkan dua golongan ini berada dalam persekitaran yang bercampur dan saling hidup dalam satu komuniti di kampung tersebut. Foto 1.2 dibawah merupakan bukti yang dapat diberi contoh berkenaan perumahan kongsi di Kampung Tanjung Batu Keramat.

Foto 1.2 Perumahan Kongsi Warga Asing



Sumber : Kerja Lapangan 2021

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1 *Ciri Demografi Responden*

Pengkaji telah membuat pengasingan umur responden mengikut beberapa kumpulan. Oleh itu, bagi kumpulan umur 15 tahun sehingga 34 tahun, menunjukkan nilai peratusnya adalah 76.8 %. Manakala, bagi kumpulan umur 35 tahun sehingga 54 tahun pula, menunjukkan nilai peratusnya iaitu 13.7 % dan diikuti pula dengan golongan berumur antara 55 tahun sehingga 64 tahun terdapat 7.4 %. Akhir sekali, peratusan yang terendah adalah golongan yang berumur 64 tahun ke atas iaitu terdapat 2.1 % sahaja (Jadual 4.1). Secara kesimpulannya, dapat ditunjukkan bahawa golongan umur 15 tahun sehingga 34 tahun adalah golongan yang mencatatkan nilai peratusan yang tertinggi disebabkan golongan tersebut merupakan golongan belia dan produktif yang sememangnya mempunyai kelebihan pengetahuan yang luas terutamanya dalam teknologi dan tentunya memiliki telefon pintar yang sememangnya merupakan alat komunikasi yang perlu ada untuk seseorang responden dalam menjawab soal selidik yang diberi melalui pautan *google form*. Justeru, lingkungan umur 64 tahun ke atas telah mencatatkan peratusan yang paling rendah yang amat berkaitan dengan pemilikan gajet serta kurangnya pengetahuan dalam penggunaan teknologi masa kini yang menjadi halangan kepada mereka untuk menjawab soal selidik yang diberi.

##### 4.2 *Mengenalpasti Penduduk Tempatan yang Menetap dalam Persekutaran yang Sama dengan Penduduk Indonesia*

Lambakan migran Indonesia sememangnya dapat dilihat semakin meningkat dan membanjiri daerah Tawau dari dahulu sehingga kini. Justeru, hal ini menjadikan populasi di daerah Tawau semakin meningkat dan seterusnya menyebabkan kawasan penempatan terutamanya di kawasan yang berdekatan dengan sektor perindustrian semakin terhad. Oleh itu, dalam perbincangan ini akan menjelaskan mengenai lambakan golongan migran Indonesia yang telah memasuki ruang kawasan penduduk tempatan terutamanya di kawasan tempat tinggal yang sememangnya banyak mendatangkan pengaruh terhadap kesejahteraan warga tempatan. Responden telah diberi pilihan

untuk mengakui atau tidak terhadap soalan berkenaan lambakan migran Indonesia di Kampung Tanjung Keramat dan Kampung Titingan yang telah jelas berlaku di kawasan ini. Dalam perbincangan ini juga, pengkaji menggunakan nilai peratusan untuk mengetahui pengakuan responden berkenaan soalan yang diberikan dengan menjawab samada “Ya” sebagai tanda persetujuan atau “Tidak” sebagai tanda tidak bersetuju yang boleh dirujuk pada Jadual 1.

**JADUAL 1. Pengakuan Responden**

<b>Kategori</b>	<b>Ya</b>		<b>Tidak</b>	
	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Percampuran tempat tinggal antara migran</b>				
<b>Indonesia dengan warga tempatan.</b>				
Adakah anda menetap ataupun tinggal dalam persekitaran yang persekitaran yang terdapat migran Indonesia?	76	80	19	20
<b>Lambakan Migran Indonesia.</b>				
Adakah anda menyedari mengenai lambakan migrasi masuk penduduk Indonesia di kawasan persekitaran anda?	87	91.6	8	8.4
<b>Penubuhan Rumah Haram dan Setinggan.</b>				
Adakah anda setuju bahawa lambakan migrasi masuk warga asing menyebabkan penubuhan rumah setinggan?	82	86.3	13	13.7
<b>Masyarakat Tiada Pilihan Tempat Tinggal.</b>				
Saya sanggup untuk menetap dan berkongsi penempatan dengan warga asing disebabkan tiada pilihan.	45	52.6	50	52.6

Sumber : Kajian Lapangan 2021

#### **4.2.1 Percampuran Petempatan antara Migran Asing dengan Warga Tempatan**

Keadaan lambakan migran Indonesia di kawasan kajian ini telah menyebabkan terjadinya percampuran persekitaran tempat tinggal antara warga tempatan dengan migran asing tersebut yang dapat ditunjukkan dalam jadual 4.2 iaitu, terdapat 80 % responden yang telah mengakui bahawa mereka sememangnya menetap dan tinggal dalam persekitaran yang bercampur dengan migran daripada Indonesia. Manakala, hanya terdapat 20 % sahaja responden yang tidak menetap dalam persekitaran yang terdapat migran tersebut. Hal ini jelas menunjukkan kehidupan warga tempatan di Kampung Tanjung Batu Keramat dan Kampung Titingan ini telah dicampuri oleh

migran asing yang semestinya telah mengakibatkan pelbagai pengaruh kepada kesejahteraan hidup masyarakat tempatan.

#### **4.2.2 *Penubuhan Rumah Haram dan Setinggan***

Masalah kebanjiran migran asing seterusnya akan membawa kepada masalah kawasan penempatan yang semakin terhad. Hal ini sudah tentu mengakibatkan wujudnya penubuhan rumah haram dan setinggan yang dapat dilihat daripada hasil kajian yang telah didapati. Terdapat 86.3 % responden telah mencatatkan pengakuan mengenai migran asing memang merupakan penyebab kepada wujudnya perumahan setinggan. Manakala, terdapat 13.7 % sahaja bagi nilai peratusan responden yang tidak bersetuju dan mengakui akan hal berkenaan. Hal ini kerana, memang tidak dinafikan bahawa perumahan setinggan yang wujud di Kampung Tanjung Batu Keramat dan Kampung Titingan memang begitu banyak ditubuhkan dan diwujudkan oleh golongan warga asing yang sukar mendapatkan penempatan disebabkan mempunyai masalah kad pengenalan diri dan status mereka yang kebanyakannya merupakan pendatang tanpa izin (PATI) yang mengakibatkan mereka mengambil langkah mudah sedemikian.

#### **4.2.3 *Pilihan Masyarakat terhadap Petempatan Semakin Terhad***

Berdasarkan hasil kajian, terdapat 52.6 % responden yang lebih memilih untuk tidak sanggup menetap dan berkongsi petempatan dengan migran asing walaupun pilihan semakin terhad. Hal ini sememangnya amat menunjukkan bahawa warga tempatan tidak begitu selesa untuk tinggal dalam persekitaran yang bercampur dengan migran asing khususnya Indonesia yang akan dibincangkan dengan lebih mendalam di bahagian yang seterusnya iaitu mengenai kesejahteraan penduduk tempatan yang dipengaruhi oleh lambakan migran Indonesia. Malahan, dalam kajian ini juga terdapat 47.4 % responden yang sanggup untuk menetap dengan migran Indonesia disebabkan tiada pilihan. Hal ini kerana, kawasan penempatan masa kini terutamanya di Kampung Tanjung Batu Keramat dan Kampung Titingan sememangnya sukar lebih-lebih lagi untuk keluarga yang baru hendak merancang untuk membina dan menubuhkan sebuah rumah. Keluasan tanah menjadi semakin terhad dan begitu juga dengan harga yang boleh dikatakan tidak masuk akal. Justeru, hal ini membuatkan terdapat segelintir masyarakat tempatan yang terpaksa untuk menetap bersama dengan migran asing didalam suatu perumahan yang disewakan.

### **4.3 *Pengaruh Kedatangan Penduduk Indonesia terhadap Kesejahteraan Penduduk Tawau***

Kesejahteraan ekonomi terutamanya dalam aspek pekerjaan dan pendapatan sememangnya merupakan perkara yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat. Hal ini menunjukkan kualiti hidup yang baik khususnya dari pekerjaan yang boleh memberi pendapatan yang lumayan untuk menampung kehidupan harian dengan membeli barang keperluan dan kehendak. Dalam erti kata lain, ia merupakan suatu kehidupan yang berkualiti dengan mempunyai taraf hidup yang baik sehingga dapat mempengaruhi kuasa beli yang baik.

Analisis seterusnya ialah berkenaan dengan penduduk tempatan yang sukar mendapat pekerjaan berbanding pekerja Indonesia. Responden telah mencatatkan nilai peratusan tertinggi pada skala likert tidak setuju iaitu 35.8 %. Keadaan ini sememangnya menjelaskan bahawa, masyarakat tempatan masih mempunyai peluang pekerjaan yang luas dan masih boleh diceburi walaupun terdapat kebanjiran pekerja asing yang sudah tentu mengakibatkan permintaan terhadap peluang pekerjaan semakin tinggi. Hal ini kerana, daerah Tawau sememangnya terkenal

dengan aktiviti perindustrian, perikanan, pertanian mahupun dalam sektor perkhidmatan. Maka, sudah tentu banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh masyarakat terutamanya bagi syarikat yang hanya mengambil pekerja yang berstatus warganegara sahaja. Nilai mean untuk analisis ini juga agak sederhana iaitu 2.98.

kebanyakan majikan memang gemar menerima dan menggaji pekerja asing terutamanya pekerja Indonesia di Tawau, Sabah disebabkan oleh faktor kerajinan dan kesungguhan migran untuk bekerja dikatakan agak lebih meyakinkan. Mereka sanggup untuk melakukan migrasi daripada negara seberang dan meninggalkan keluarga mereka di kampung halaman semata-mata untuk mencari rezeki untuk dikirim ke kampung halaman masing-masing untuk keluarga. Golongan migran juga rela untuk bekerja lebih masa walaupun tanpa cuti dan pada hujung minggu. Hal ini memang jelas memperlihatkan bahawa mereka memang boleh mempengaruhi minat majikan terhadap kesungguhan mereka dalam pekerjaan.

Akhir sekali, dalam aspek kesejahteraan ekonomi berkaitan pekerjaan dan pendapatan ini juga telah menganalisis berkenaan penduduk tempatan yang mendapati majikan masih menggaji dan menyimpan pekerja asing yang sudah melebihi 10 tahun jaminan yang telah mencatatkan nilai peratusan tertinggi pada skala likert setuju iaitu 47.4 %. Hal ini sememangnya merupakan suatu hal yang perlu dihindari oleh setiap majikan di Malaysia, iaitu pekerja yang telah selesai dan mencapai 10 tahun jaminan haruslah diberhentikan dahulu sesuai dengan had tempoh jaminan visa yang maksimum kepada 10 tahun sahaja. Namun, jika majikan masih bertindak untuk menyimpan pekerja sedemikian tanpa rasa tanggungjawab berkaitan undang-undang yang telah ditetapkan, hal ini secara tidak langsung akan memberi impak kepada pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan.

#### **4.3.1 Perniagaan**

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh setiap masyarakat khususnya dalam mencari sesuap nasi untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka masing-masing. Salah satu sumber pendapatan masyarakat yang agak dominan di kawasan kajian ini juga adalah dalam aktiviti perniagaan selain daripada bekerja daripada mana-mana syarikat perindustrian. Namun, menjadi suatu kerisauan apabila bukan warga tempatan sahaja yang menjalankan aktiviti ekonomi berkenaan malah, pendatang asing daripada luar juga telah menjalankannya dan menyaingi peniaga tempatan.

Analisis pertama adalah mengenai saya dapati peniaga asing begitu ramai di daerah ini iaitu responden telah mencatatkan nilai peratusan tertinggi bagi skala likert setuju dengan catatan nilai 52.6 % malah, 18.9 % responden telah memilih skala likert sangat setuju (rujuk jadual 4.4). Hal ini jelas menunjukkan bahawa, peniaga asing semakin meningkat dan berleluasa di daerah ini malah, terdapat golongan migran tersebut yang memang berniat untuk bermula sahaja dalam tujuan migrasi mereka ke Tawau, Sabah. Kebiasaannya, peniaga yang datang daripada Indonesia sememangnya yang paling majoriti disebabkan oleh faktor jarak yang hamper dengan daerah ini yang memudahkan mereka melakukan pulang balik untuk mengambil barang dagangan. Keadaan ini secara langsung menyebabkan peniaga tempatan semakin berasa tersaing dengan kewujudan peniaga asing terutamanya bagi peniaga asing yang mempunyai ramai kenalan yang terdiri daripada pekerja yang juga datang daripada Indonesia iaitu negara yang sama. Justeru, kebanyakan peniaga asing juga semakin bijak dalam mengikuti dan meniru barang dagangan

warga tempatan yang laris dan menjadi permintaan ramai seperti nasi lemak dan kuih-muih. Nilai mean bagi analisis ini ialah berada pada tahap tinggi iaitu 3.77.

#### **4.4 Cadangan Langkah dalam Meningkatkan Kesejahteraan Penduduk Tawau, Sabah**

Setiap isu dan masalah yang berlaku semestinya memerlukan suatu cadangan langkah untuk mengurangkan dan menanganinya. Berdasarkan hasil kajian yang didapati, pengaruh terhadap kesejahteraan penduduk tempatan samada dalam aspek ekonomi mahupun sosial akibat daripada kemasukan penduduk Indonesia ini memang memerlukan langkah yang drastik iaitu dalam aspek pelaksanaan undang-undang, beberapa langkah yang wajar dalam meningkatkan aspek kesejahteraan ekonomi dan juga sosial. Tujuannya adalah untuk mengurangkan pengaruh yang besar dan sekaligus membantu dalam meningkatkan kesejahteraan penduduk di Tawau, Sabah.

##### **4.4.1 Pelaksanaan Undang-Undang**

Tindakan langkah terutamanya dalam pelaksanaan undang-undang amat penting dalam isu yang berlaku iaitu mengenai lambakan kemasukan pendatang Indonesia yang banyak membawa pengaruh di daerah ini. Oleh itu, dalam langkah ini pihak berwajib yang penting dalam melaksanakan tugas ini adalah pihak berkuasa seperti Jabatan Imigresen (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Angkatan Tentera Laut (ATM). Berdasarkan daripada hasil analisis yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa responden amat menyokong dengan segala langkah dalam pelaksanaan undang-undang ini bagi meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui data yang telah dikumpulkan dalam borang soal selidik yang diedar.

Langkah pelaksanaan undang-undang pertama ialah dengan memantapkan kawalan sempadan Malaysia-Indonesia. Langkah ini merupakan langkah yang paling asas dan paling penting untuk menangani kedatangan migran Indonesia secara besar-besaran tidak kira pada laluan yang sah mahupun tidak sah. Namun, pada situasi Covid-19 masa kini sebenarnya banyak memudahkan langkah pengawalan para petugas yang hanya perlu memberi tumpuan penuh pada kawasan laluan haram sahaja kerana memang jelas, pintu sempadan yang sah antara negara masih tertutup akibat situasi pandemik tersebut. Oleh itu, pengawalan yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan pada kawasan laluan tikus yang sering menjadi alternatif Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) untuk memasuki daerah Tawau dengan berleluasa.

###### **i. Mengukuhkan Kawalan Sempadan Malaysia-Indonesia**

Terdapat sebanyak 54.7 % responden sangat bersetuju dengan langkah pelaksanaan undang-undang berkenaan. Ini menunjukkan bahawa responden amat menyokong akan langkah pelaksanaan undang-undang ini disebabkan ia sememangnya akan mendatangkan kelebihan yang penting pada mereka. Manakala, selebihnya juga bersetuju dengan catatan peratus sebanyak 38.9 % bagi usaha untuk meningkatkan kesejahteraan mereka di daerah Tawau, Sabah.

###### **ii. Membanteras Kegiatan Rasuah Berkenaan Perlindungan Pendatang Asing**

Kegiatan rasuah sememangnya merupakan suatu cabaran yang paling utama dalam menjayakan usaha yang dirancang dengan menjadi semakin lemah terutamanya dalam hal berkaitan perlindungan pendatang asing yang memasuki sempadan secara haram.

Justeru, hasil kajian mendapati bahawa responden memang sangat bersetuju agar kegiatan rasuah dapat dibanteras mengenai perlindungan pendatang asing yang sememangnya merupakan dalang utama masalah lambakan PATI ini masih wujud sehingga kini terutamanya di daerah Tawau. Responden telah mencatatkan nilai peratusan tertinggi bagi skala likert sangat bersetuju iaitu 56.8 % malah, selebihnya juga ramai yang bersetuju dengan nilai 38.9 %. Hal ini kerana, membanteras kegiatan rasuah mampu melenyapkan agen-agen penyeberang yang banyak membantu dalam isu laluan haram pendatang asing dan isu pemerdagangan manusia.

***iii. Mengenalpasti dan Menangkap Agen Penyeberang yang Mengundang Ramai PATI***

Agen penyeberang juga merupakan salah satu jaringan sosial yang paling berperanan dalam membantu kemasukan para migran Indonesia ke Tawau, Sabah tidak kira dari segi laluan yang sah maupun haram. Namun, kebanyakan agen penyeberang ini memang diperlukan jika para migran ingin menggunakan laluan haram iaitu tanpa pas lawatan yang sah daripada Indonesia untuk melintasi sempadan antarabangsa. Agen tersebut sememangnya amat berpengelaman dalam melancarkan perjalanan PATI untuk tiba dengan selamat ke Tawau khususnya, dengan bayaran yang sesuai dengan perkhidmatan yang diberikan. Namun, yang paling merisaukan ialah agen tersebut tidak pernah berputus asa dalam kegiatan tersebut kerana perjalanan keluar masuk migran Indonesia secara haram dilihat masih begitu aktif sehingga kini. Maka, langkah ini memang diharapkan dapat dilakukan dengan jayanya iaitu dengan mengenalpasti dan menangkap agen penyeberang yang mengundang ramai PATI dengan mengenakan hukuman yang setimpal.

***iv. Melibatkan Kerjasama Rakyat dalam Membantu Menangkap Aktiviti PATI***

Rakyat tempatan itu sendiri sebenarnya merupakan pihak yang sangat penting dalam membantu membanteras isu pendatang haram Indonesia. Hal ini kerana, rakyat merupakan mata dan telinga pihak berkuasa kerana dapat melihat dan mendengar mengenai suatu kejadian seperti ini pada perbualan maupun perbuatan yang mencurigakan di dalam persekitaran. Namun, terdapat masyarakat yang enggan memberi info dan maklumat kepada pihak berkuasa disebabkan tiada galakan daripada mereka.

Oleh itu, responden dalam analisis ini sememangnya sangat bersetuju untuk melibatkan rakyat dalam kerjasama menangkap aktiviti PATI tersebut dengan nilai 51.6 % dan 37.9 % bagi yang bersetuju. Hal ini memang suatu langkah yang amat efektif kerana masyarakat dapat menjadi mata dan telinga bagi pegawai yang bertugas. Malah, dengan usaha ini dapat membantu pegawai bertugas dari segi maklumat yang jelas dan kurang diketahui pada pihak jabatan.

***4.4.2 Kesejahteraan dalam Aspek Ekonomi***

Kesejahteraan masyarakat tempatan berkaitan aspek ekonomi merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian rapi daripada pihak yang bertanggungjawab. Hal ini kerana, dengan kesejahteraan ekonomi penduduk dapat hidup dalam keadaan yang harmoni dari segi kemampuan mereka untuk menampung kos sara hidup sepanjang hari. Berdasarkan daripada hasil analisis yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa responden amat menyokong segala cadangan langkah dalam aspek kesejahteraan ekonomi ini. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui data yang telah dikutip dalam borang soal selidik dan hasil analisis tersebut telah dipersembahkan dalam bentuk carta seperti dalam rajah.

#### *i. Mendahulukan Pekerja Tempatan Berbanding Warga Asing*

Analisis pertama dalam cadangan langkah bagi aspek kesejahteraan ekonomi ialah berkenaan mendahulukan pekerja tempatan berbanding warga asing. Hasil analisis mendapati, terdapat 50.5 % responden sangat bersetuju mengenai langkah tersebut malah, terdapat 40.0 % lagi responden yang bersetuju. Hal ini kerana, mendahulukan pekerja tempatan dalam peluang pekerjaan sememangnya dapat memberi kelegaan dan kepuasan besar kepada mereka yang juga memerlukan pekerjaan untuk menampung kos sara hidup diri dan keluarga.

#### *ii. Membuka Peluang Pekerjaan yang Luas Khususnya kepada Warga Tempatan*

Pengkaji telah mendapati bahawa, peratusan tertinggi bagi analisis mengenai membuka peluang pekerjaan yang luas khususnya kepada warga tempatan adalah pada skala likert sangat setuju dengan nilai 56.8 % yang telah dicatatkan oleh responden (rujuk Rajah). Hal ini kerana, peluang pekerjaan yang banyak dan pelbagai amat diharapkan kepada rakyat yang sehingga hari ini sangat sukar mendapatkan pekerjaan. Oleh itu, jika peluang pekerjaan semakin dibuka dengan luas dengan memberi peluang yang baik terutamanya bagi mereka yang belum pernah ada pengalaman dalam bidang pekerjaan, sudah tentu dapat membantu mereka untuk mengasah kemahiran dan sekaligus mampu meraih pendapatan yang lumayan. Bagi analisis ini juga, terdapat 33.7 % responden yang bersetuju mengenai langkah ini yang sememangnya dapat membantu isu peluang pekerjaan yang terhad dalam kalangan mereka.

#### *iii. Memberhentikan Pekerja Asing yang Telah Mencapai Status Tempoh Jaminan 10 Tahun*

Pengurangan migran Indonesia khususnya golongan buruh asing dapat dilakukan dengan cara memberhentikan mereka yang telah mencapai status tempoh jaminan 10 tahun iaitu merupakan analisis seterusnya dalam kajian ini. Lalu, pengkaji mendapati bahawa responden kebanyakannya sangat bersetuju dengan mencatatkan nilai peratusan sebanyak 41.1 %. Hal ini kerana, tempoh 10 tahun itu merupakan suatu jangka masa yang sangat lama bagi seseorang migran di negara ini apatah lagi jika migran tersebut mempunyai ahli keluarga yang ramai yang turut dibawa datang bermigrasi di daerah ini.

#### *iv. Memberi Latihan dan Kemahiran kepada Masyarakat Tempatan dan Golongan Muda*

Memperkasa peluang pekerjaan terutamanya kepada rakyat tempatan juga perlu mengambil berat tentang meningkatkan latihan dan kemahiran mereka terutamanya bagi golongan muda. Dalam analisis ini, responden juga sangat bersetuju dengan mencatatkan nilai peratusan iaitu sebanyak 57.9 %. Malah, terdapat lagi bilangan besar responden yang bersetuju dengan catatan nilai peratusan sebanyak 34.7 %. Hal ini sememangnya amat dipersetujui oleh responden untuk kepentingan mereka dan kesejahteraan mereka terutamanya dalam bidang pekerjaan. Mereka haruslah diberikan banyak pendedahan menerusi latihan-latihan yang boleh meningkatkan kemahiran mereka supaya negara kita sendiri tidak lagi perlu meletakkan harapan kepada buruh asing yang sememangnya dirisaukan akan membawa impak yang negatif kepada kesejahteraan masyarakat tempatan.

### **5. Rumusan dan Cadangan**

Secara kesimpulannya, penghijrahan penduduk Indonesia sememangnya amat memberikan pengaruh yang negatif kepada kesejahteraan kepada semua golongan penduduk tempatan

khususnya di daerah Tawau ini. Walaupun pekerja asing itu tidak dinafikan amat penting dalam menyumbang kepada keadaan ekonomi negara namun, kerajaan seharusnya menyedari bahawa kesejahteraan rakyat tempatan juga perlu diberi penekanan yang tinggi dan rapi untuk tidak terus-menerus membiarkan mereka menjadi jauh ketinggalan daripada golongan migran pada suatu masa akan datang. Justeru, rakyat tempatan juga haruslah sentiasa bersiap sedia dengan ancaman persaingan daripada migran asing samada dari segi ekonomi mahupun sosial. Rakyat haruslah mempunyai kesedaran untuk memantapkan kemahiran terutamanya dalam sektor perindustrian mahupun pembinaan agar majikan tidak lagi perlu menaruh harapan dan bergantung sepenuhnya pada kemampuan dan sumbangan pekerja asing semata-mata.

## Rujukan

- Astro Awani. (2018). *40 PATI Guna Laluan Tikus Ditahan*. 07 April.
- Free Malaysia Today (FMT). (2018). *Imigresen Mahu Majikan Gaji PATI Terima Hukuman Lebih Berat*. 12 Mac.
- Heizkiel Wodriusna. (2017). *Migrasi Buruh Asing Ke Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah. Research Gate.
- Jacob A. Jordaan. (2017). *Foreign Workers and Productivity in an Emerging Economy : The Case Of Malaysia*. Wiley Online Library
- Nooriah Yusof. (2019). *Faktor Penyumbang kepada Tekanan Perumahan di Kawasan Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah di Pulau Pinang*. KEMANUSIAAN. Vol 26 (1). 143-171.
- Maizatul Marzuki. (2018). *Eksplorasi Pekerja Asing di Malaysia*. Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Na'eim Ajis. Mohamad Faisol Keling. Ummu Atiyah Zakuan. Zawiyah Mohd Zain. (2018). *Kajian Terhadap Proses dan Pendekatan dalam Pembentukan Dasar Pekerja Asing di Malaysia*. E-Bangi. Journal of Social Science and Humanities. Vol 15 (5). 48-65.
- My Metro. (2019). *Polis Serbu Rumah Haram*. 07 Jun.
- Rohani Hj. Ab Ghani. Zulhilmi Paidi. (2010). *Malaysia-Indonesia Pengalaman Hubungan Dua Serumpun*. Political Management and Policies in Malaysia.
- Rusdi Omar. Eby Hara. Muhammad Afifi Abdul Razak. (2013). *Tuntutan Budaya Antara Malaysia Dengan Indonesia : Sumber Konflik Dan Jalan Penyelesaiannya*. Research Gate
- Sabah Post. (2019). *Ops Sarang Khas : PBT Edar Notis Roboh Rumah Dibina Tanpa Kebenaran Di Kampung Titungan*. 15 Mac.

Shuhairy Norhisyam. (2019). *Pendekatan Kuantitaif Vs Kualitatif*. 01 Mei.

Sinar Harian. (2020). *Ops Benteng : Kerajaan Tingkat Kawalan di Pantai Timur Sabah*. 12 April.

Syed Abdul Razak Sayed Mahadi. Hanafi Hussin. Suraya Sintang. Hadayat Rahmah Hasan. (2017). *Pengaruh Jaringan Sosial ke Atas Migrasi Pekerja Bugis-Indonesia ke Sabah*. Internation Journal of The Malay World Civilisation.

Wan Shawaluddin Wan Hassan. Ramli Dollah. (2007). *Impak Kehadiran Pendatang Filipina di Kampung-kampung Air :Satu Tinjauan di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.